

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HMT 323 - Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Kedua
HMP 403 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa di Malaysia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LIMA (5) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan.

Soalan **No. 1** dan **No. 2** adalah **WAJIB** dan **DUA** (2) soalan daripada **Bahagian B**.

Tulis nombor 1 sehingga 5 secara berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

BAHAGIAN A

1. Bincangkan faktor biologi dan faktor afektif (intrinsik dan ekstrinsik) yang memainkan peranan penting dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua dan kaitkan kedua-dua faktor tersebut dengan “tempoh kritikal”.

[35 markah]

2. Hurai serta beri implikasi pedagogi perkara-perkara berikut:

- a) Aspek biologi dan pengetahuan tersedia dalam pemerolehan dan pembelajaran bahasa kedua.
- b) Fenomena serta sebab-sebab kewujudan fosilisasi terpilih dan balik ke asal (*backsliding*)
- c) Penyaring afektif dan monitor dalam proses pembelajaran bahasa kedua.
- d) Hipotesis Identiti.
- e) Taksonomi komparatif kesalahan berbahasa.

[25 markah]

BAHAGIAN B

PILIH DAN JAWAB MANA-MANA DUA (2) SOALAN.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah analisis kontrastif? Huraikan secara terperinci implikasi pedagogi kaedah ini dalam pembelajaran bahasa kedua.

[20 markah]

4. Kontraskan salah satu aspek linguistik bahasa pertama (pilihan anda) dengan satu bahasa sasaran (juga pilihan anda) dan bincangkan implikasi pedagogi analisis yang anda lakukan.

[20 markah]

5. Kenalpasti dan bincang aspek-aspek persamaan dan perbezaan dari segi andaian teoritis, metodologi dan implikasi pedagogi analisis kontrastif, analisis kesalahan dan bahasa antara.

[20 markah]